

Skleroderma, penyakit autoimun serang wanita

FAKTA SKLERODERMA

MUNGKIN penyakit Skleroderma atau Sklerosis Sistemik tidak diketahui umum, tetapi penyakit yang terkenal dengan autoimun kronik ini boleh menjejaskan sehingga ke organ-organ dalaman seperti paru-paru dan jantung.

Skleroderma ialah sejenis penyakit yang luar biasa. Penyakit ini telah pun menyerang 150,000 hingga 500,000 rakyat Amerika, khususnya kaum wanita yang berumur di antara 30 hingga 50 tahun.

Kejadian ini berlaku pada anggaran 30 pesakit bagi setiap 100,000 penduduk, dengan nisbah antara perempuan dengan lelaki pula ialah empat perempuan kepada seorang lelaki.

Menurut Pakar Perunding Rheumatologi dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Narisa Sulaiman**, istilah Skleroderma atau *Sclero* diambil daripada bahasa Yunani yang bermakna keras, manakala *derma* pula merupakan kulit.

Jelasnya, penyakit ini adalah disebabkan pemendapan kolagen dan molekul-molekul besar tisu penyambung secara berlebihan bukan sahaja pada kulit malah boleh melibatkan organ-organ dalaman seperti paru-paru dan jantung.

Sehingga kini, punca sebenar kenapa penyakit ini masih tidak diketahui.

"Kebanyakan pesakit yang

sihat

Oleh **ROSMAH DAIN**
rosmah.dain@utusan.com.my



menderita penyakit ini terdiri daripada kalangan wanita yang berusia 30 hingga 50 tahun.

"Gejala-gejala Skleroderma sangat bergantung kepada jenisnya, iaitu sama ada terhad terhadap kulit atau melibatkan keseluruhan badan dan organ dalaman, yang mana kulit serta organ-organ yang terlibat akan menjadi fibrosis atau keras.

"Kekerasan pada kulit pesakit

Skleroderma boleh menyebabkan *Microstomia*, iaitu kulit pada sekitar mulut menjadi ketat dan keras. Ini bukan sahaja menyebabkan pesakit mengalami kesusahan untuk bercakap dan makan, malah kesukaran membersihkan gigi serta melakukan prosedur gigi.

"Sekiranya penyakit ini terjadi pada bahagian kulit pada badan

terutama pada tangan, pada tahap awal penyakit anggota tersebut akan mula membengkak dan lama-kelamaan menjadi semakin ketat serta keras.

"Pada peringkat akhir, pesakit akan mengalami perubahan pada warna kulit dan pergerakan terbatas terutama jika membabitkan anggota seperti tangan dan kaki," katanya.

Dr. Narisa menambah, disebabkan kolagen yang



Apa yang membimbangkan, apabila penyakit ini melibatkan organ dalaman seperti paru-paru dan jantung, pengerasan pada organ ini menyebabkan pesakit mengalami kesusahan untuk bernafas, menjadikan pesakit sangat mudah berasa penat dan akhirnya mengganggu kualiti hidup mereka."

berlebihan, salur darah pada jari tangan dan kaki juga akan menyempit, penyebab terjadinya fenomena *Raynaud*.

Fenomena ini jelasnya, akan menyebabkan hujung jari-jari tangan atau kaki berubah warna kepada biru atau putih apabila terdedah dengan keadaan sejuk, atau berwarna merah apabila berada dalam keadaan panas. Ia juga boleh menyebabkan terbentuknya ulser pada hujung jari.

"Apa yang membimbangkan, apabila penyakit ini melibatkan organ dalaman seperti paru-paru dan jantung, pengerasan pada organ tersebut akan menyebabkan pesakit sukar bernafas, menjadikan sangat mudah berasa penat dan akhirnya mengganggu kualiti hidup," katanya.

Oleh kerana penyakit ini



SKLERODERMA menyebabkan kulit yang terkesan ketat dan mengeras.

daripada jenis yang luar biasa dan tidak ramai doktor yang pakar mengenainya,

diagnosis yang tepat sukar dilakukan dalam masa yang singkat.

Pada peringkat awal jelasnya, simptom penyakit ini menyerupai penyakit-penyakit lain, contohnya, penyakit *Systemic Lupus Erythematosus* (Lupus), *Polymyositis* atau *Rheumatoid Arthritis*.

Keadaan itu menyebabkan pesakit terpaksa menanggung penderitaan yang begitu lama sehingga dapat didiagnos dengan sah menghidap penyakit ini Skleroderma.

Penyakit ini tidak diklasifikasikan sebagai penyakit mudah berjangkit.

Ini bermakna orang

SKLERODERMA pada kulit sekeliling mulut akan menyebabkan pesakit sukar bercakap dan makan. - GAMBAR HIASAN

sekeliling tidak akan mendapat penyakit ini dengan berjabat tangan, berdakapan, mengadakan hubungan seksual, berkongsi utensil makan, batuk atau selesema. Ia juga bukan sejenis kanser.

Biarpun punca-punca yang menyebabkan penyakit ini masih belum diketahui hingga ke hari ini, terdapat beberapa kes Skleroderma

disahkan berlaku kerana pesakit telah terdedah kepada bahan kimia, genetik, *fetal cells* dan virus mungkin juga penyebab kepada meningkatnya jumlah pesakit ini.

Ujar Dr. Narisa, buat masa ini tiada rawatan khusus untuk menyembuhkan penyakit ini, bagaimanapun pakar *rheumatologi* akan memberi ubat untuk mengawasi penyakit ini supaya tidak menjadi semakin teruk.

"Seseorang itu dikatakan mempunyai penyakit *Scleroderma* apabila mempunyai gejala-gejala seperti yang telah disebutkan tadi, menerusi ujian darah akan menentukan antibodi-antibodi tersebut.

Selepas didiagnos sebagai penyakit Skleroderma, rawatan akan dimulakan bergantung terhadap gejala yang dihadapi pesakit," katanya.

1 Skleroderma adalah salah satu penyakit yang menyerang sistem pertahanan tubuh. Penyakit ini terbahagi kepada dua jenis iaitu skleroderma sistemik dan terlokalisasi.

2 Skleroderma sistemik akan mempengaruhi seluruh bahagian tubuh seperti kulit, pembuluh darah, dan organ bahagian dalaman lain yang sering disebut sklerosis sistemik, manakala Skleroderma terlokalisasi hanya mempengaruhi kulit dan menyebabkan seseorang penghidap itu menderita dari segi emosi.

3 Skleroderma sistemik menyebabkan kerosakan jaringan atau fibrosis yang terbentuk pada kulit mahupun organ-organ bahagian dalaman lain.

4 Fibrosis akan mengubah kulit atau organ-organ lain menjadi mengeras. Tanda-tanda penyakit ini bergantung pada bahagian mana yang diserang.

5 Gejala yang biasa timbul ialah kulit yang mengeras dan tegang pada kulit, terjadi perubahan warna pada jari, terbentuk benjolan pada jari tangan, terbentuk benjolan pada daerah bertulang, terdengar bunyi detakan ketika menggerakkan bahagian sendi akibat radang jaringan.

6 Ia juga menyebabkan terbentuknya jaringan parut di esofagus sehingga sukar menelan, gangguan penyerapan makanan sehingga menjadi berat badan turun mendadak, dan terbentuk jaringan parut pada paru-paru sehingga penderita sukar untuk bernafas.

*** Dipetik daripada Wikipedia.